



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

15 JANUARI 2026 (KHAMIS)

Proses kajian EIA dan SIA projek ladang penternakan babi di Bukit Tagar akan dipercepatkan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	14 Jan



AMIRUDIN pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Pengerusi Panel Nasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

FOTO Faiz Anuar

Shah Alam: Kerajaan negeri akan menyegerakan proses kajian Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) terhadap projek ladang penternakan babi yang baharu di Bukit Tagar, Hulu Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pembinaan ladang penternakan baharu itu juga memerlukan kajian EIA dan sebagainya kerana berkemungkinan terdapat

perumahan dan penempatan selain meninjau kesan kepada kawasan sungai dan kawasan sekitarnya.

"Tuanku (Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah) bertitah agar disegerakan, insya-Allah kita akan melaksanakan dengan sebaik dan secepat mungkin dan memastikan perbincangan dengan pihak terlibat itu dilaksanakan dengan sesegera dan semaksimal mungkin.

"Kita akan tengoklah semasa proses yang dibuat daripada EIA dan sebagainya, sebab itu kita mungkin memerlukan masa tetapi dalam masa terdekat ini segalanya kita akan cuba perkemaskan dengan cepat.

"Kita juga akan mengadakan rundingan dengan pihak-pihak terbabit di kawasan persekitaran (Bukit Tagar), (tetapi) pendengaran awam tidak semestinya dilakukan, kita ikut peraturan dan keperluan," katanya ketika diminta mengulas mengenai rancangan pembangunan kawasan penternakan baharu di Bukit Tagar.

Beliau berkata demikian dalam sidang media di Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Panel Penasihat Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Selangor dan Wilayah Kuala Lumpur, di sini, hari ini, yang turut dihadiri Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, setakat ini seramai 69 pengusaha ladang penternakan babi yang aktif dikenal pasti dan selebihnya menjalankan operasi secara tanpa lesen di negeri ini.

"Kita perlu laksanakannya secepat mungkin dengan mengadakan rundingan dan menerangkan kepada

mereka (pengusaha) bahawa selagi tidak ditutup kawasan itu, selagi itulah pencemaran yang terhasil daripada konsep penternakan tradisional ini akan berlanjutan.

"Jadi, langkah awal kita adakan menutup pengurusan tradisional yang ternyata melahirkan pencemaran bau, pencemaran air dan sebagainya ke arah penternakan moden yang diusahakan oleh pihak swasta (di Bukit Tagar).

"Saya tegaskan (penternakan ladang babi di Bukit Tagar) memang tidak melibatkan kewangan kerajaan negeri dan mana-mana tanah juga adalah yang dibeli oleh pihak terbabit," katanya.

Beliau berkata, apa yang penting penutupan segera semua ladang penternakan tradisional yang menjadi punca pencemaran dengan beralih kepada konsep penternakan moden yang lebih baik.

"Di tempat sana (Bukit Tagar), saya hendak tengok semua isunya, bagaimana sistem kumbahan, adakah boleh berdiri dengan sendiri tidak perlu 'discharge' dan tidak memberikan risiko kepada kawasan-kawasan sungai dan alam sekitar, ia akan lebih baik selain perketat keselamatan dan

sebagainya," katanya.

Menurutnya, data awal berdasarkan cerapan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, terdapat kira-kira 120,000 ekor babi di Selangor pada ketika ini.

"Jumlah itu hanyalah memenuhi 30 peratus daripada keperluan tempatan dan buat masa ini tapak itu hanyalah untuk keperluan (masyarakat bukan Islam)," katanya.

Semalam, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar kajian menyeluruh kuantiti sebenar keperluan dan permintaan daging babi khusus untuk kegunaan rakyat bukan Islam di negeri itu dibuat selain tiada lagi penternakan babi di Kuala Langat dan peruntukan kewangan kerajaan negeri untuk operasi penternakan babi di Selangor pada masa depan.

Itu antara ketetapan dititahkan baginda ketika sesi menghadap Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Hashim dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim di Istana Bukit Kayangan.-

MYMETRO

PANDUANKINI | Meneliti Pertikaian Ladang Babi Di Selangor

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Dalam Talian	14 Jan



Khoo Shiyuan | KINI TV

PANDUANKINI | Isu penternakan babi di Tanjung Sepat di Selangor baru-baru ini mengundang perhatian ramai apabila Sultan Sharafuddin Idris Shah mencabar para wakil rakyat negeri itu supaya tinggal berhampiran ladang babi bagi merasai sendiri masalah yang disebabkan nya.

Baginda campur susulan perhimpunan aman oleh lebih 200 penternak babi dan pihak berkepentingan yang menggesa kerajaan melonggarkan syarat-syarat yang didakwa terlalu ketat.

Panduankini kali ini bertujuan memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai perkara ini, yang bermula sejak awal tahun lalu.

Apa berlaku awal tahun lalu? Terdapat 114 ladang babi berlesen di Tanjung Sepat, yang terletak di daerah Kuala Langat. Kebanyakannya telah beroperasi di kawasan tersebut selama lebih 60 tahun dan merupakan perusahaan keluarga merentas generasi.

Pada Januari 2025, wabak

Demam Babi Afrika (African Swine Fever, ASF) menular di kawasan itu.

Ahli Persatuan Penternak Babi Kuala Langat, Lim Hock Meng, pada 9 Januari tahun



Ladang babi di Tanjung Sepat

Pada 22 Januari tahun lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor (JPV) menerima laporan mengenai kes disyaki ASF di beberapa ladang babi di Sepang dan Kuala Langat. Ia membawa kepada ujian berskala besar dan seterusnya pelupusan babi selepas jangkitan disahkan berlaku.

Pengarah JPV Selangor, Hassuzana Khalil, ketika itu berkata daripada 114 ladang yang dijalankan ujian, 56 ladang atau kira-kira 49 peratus didapati positif. Susulan itu, perintah pelupusan dikeluarkan di bawah Seksyen 19 Akta Binatang 1953.

ini berkata pihak berkuasa telah melupuskan babi milik lebih 70 penternak dalam tempoh lapan bulan antara 30 Januari hingga 23 Ogos tahun lalu bagi membendung penyakit tersebut.

Mengapa Timbul Kontroversi Mutakhir Ini?

Sebelum ini, ladang babi di Tanjung Sepat diwajibkan mempunyai lesen JPV yang diperbaharui setiap tahun. Namun sejak Jun tahun lalu, lesen tersebut tidak lagi diperbaharui, menyebabkan mereka tidak dapat beroperasi secara sah selepas 1 Januari tahun ini.

Pada 7 Januari lalu, Exco kerajaan Selangor, Ng Sze Han, mendedahkan bahawa selepas menerima rayuan daripada para penternak, dia segera menghubungi Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin, dan JPV, serta turut membangkitkan isu itu dalam mesyuarat Exco.

ladang memenuhi syarat ia tertutup sepenuhnya, sifar pelepasan, dan mengekalkan zon penampungan dalam tempoh setahun, mereka boleh memohon untuk memperbaharui lesen setiap enam bulan dengan syarat tambahan, iaitu tiada wabak demam babi berlaku di ladang tersebut.



Ladang babi di Tanjung Sepat

“Selepas perbincangan pelbagai pihak, JPV bersetuju bahawa selagi langkah pencegahan dan kawalan penyakit dipatuhi, pihaknya tidak akan membantah dan akan meluluskan permohonan lanjutan lesen para penternak,” katanya.

Sehari kemudian, Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim, mengumumkan selagi

Projek Bukit Tagar

Dalam sidang media pada 8 Januari lalu, Izham turut mencadangkan penyelesaian jangka panjang, iaitu memindahkan ladang babi di Selangor ke Bukit Tagar di daerah Hulu Selangor secara berfasa dalam tempoh tiga tahun agar penternakan babi dijalankan secara berpusat. Izham berkata tapak tersebut dijangka meliputi kawasan seluas kira-kira 202 hektar,

bersamaan 283 padang bola sepak, dan mungkin diwartakan sebagai tanah persendirian untuk tujuan penternakan babi.

Dia menegaskan projek Bukit Tagar akan mengguna pakai model penternakan moden dan berteknologi tinggi bagi menyelesaikan masalah pencemaran yang telah lama membelenggu penduduk, termasuk:

- **Operasi Tertutup:** Menggunakan reban tertutup untuk meningkatkan tahap keselamatan bio.
- **Sifar Pelepasan:** Melarang sepenuhnya pelepasan air sisa ke sungai melalui rawatan menyeluruh.
- **Sisa Dijadikan Tenaga:** Menukar sisa ternakan kepada biogas untuk menjana elektrik.
- **Zon penampakan:** Memilih lokasi jauh dari kawasan perumahan dengan zon penampakan mencukupi bagi mengawal bau dan penularan penyakit.

Pada 12 Januari lalu, Izham menjelaskan projek Bukit Tagar adalah inisiatif swasta, manakala kerajaan negeri hanya bertanggungjawab menyelaraskan kelulusan yang diperlukan.

Dia turut menjelaskan

keluasan tapak yang besar diperlukan kerana ladang-ladang baru mesti mempunyai zon penampakan; bukan sahaja dengan kawasan luar, malah antara setiap ladang.

Bagaimanapun, konsep kawasan penternakan babi berpusat moden seperti projek Bukit Tagar bukanlah sesuatu yang baru atau tidak dijangka; malah pernah ada pelan awal sebelum ini untuk membinanya di Tumbuk, Tanjung Sepat.

Menurut Izham, idea dan perbincangan mengenai penubuhan kawasan penternakan babi berpusat moden telah wujud di peringkat kerajaan negeri sejak zaman pentadbiran BN.

Sementara itu, Ketua sayap bersekutu Bersatu Selangor, Goh Gaik Meng, bersama beberapa penternak babi berkata kerajaan telah merancang “zon penternakan babi berpusat moden” di Tumbuk seawal 22 tahun lalu.

Ketika itu, para penternak menandatangani surat sokongan dan bersetuju untuk berpindah, namun pelan tersebut tidak pernah direalisasikan.

Kenapa Penternak Berhimpun?

Lebih 200 penternak babi

dan pihak berkepentingan industri berkaitan berhimpun di hadapan Persatuan Penternak Babi Kuala Langat pada 9 Januari lalu bagi membantah syarat yang disifatkan terlalu ketat dan menggesa kerajaan melonggarkannya.

kecewa kerana dipaksa menanggung kos transformasi yang tinggi.

Bekas Exco Selangor, Ronnie Liu, berkata langkah mewajibkan penternak babi kecil dan sederhana membiayai sendiri



Menurut mereka, tanpa peruntukan kewangan atau pakej sokongan teknikal daripada kerajaan, mereka tidak boleh diharapkan untuk menanggung sendiri kos pengubahsuaian yang mahal dalam tempoh singkat kerana ia adalah “sesuatu yang mustahil”.


Para penternak juga berkata mereka masih belum menerima satu sen pun pampasan bagi operasi pelupusan ASF tahun lalu. Selepas mengalami kerugian besar, mereka bertambah

transformasi tanpa dana awam, penyelesaian teknikal bersepadu dan infrastruktur yang dipacu kerajaan, adalah sama seperti membungkus langkah “penghapusan” dengan “perlindungan alam sekitar”

Para penternak turut mempersoalkan mengapa kerajaan mewajibkan mereka membuat pelaburan besar untuk menaik taraf kemudahan sedia ada dalam tempoh hanya satu hingga tiga tahun sedangkan mereka akhirnya tetap perlu

berpindah ke Bukit Tagar. Mereka menganggap perkara ini sangat tidak munasabah.

pemain industri makanan ternakan, pengangkut dan peniaga makanan siap juga



Mereka juga bimbang pengurangan tempoh sah lesen daripada setahun kepada enam bulan, ditambah dengan kemungkinan wujud “tempoh jurang” sebelum pemindahan pada 2029, mencetuskan ketidaktentuan terhadap operasi masa depan.

Selain itu, mereka mendakwa walaupun kerajaan mencadangkan keperluan untuk pemodenan, ia gagal menyediakan plan induk atau piawaian reka bentuk yang jelas untuk dijadikan rujukan, dan itu menimbulkan kekeliruan dalam kalangan mereka.

Selain penternak babi,

menyertai perhimpunan aman tersebut. Mereka bimbang harga daging babi akan terus meningkat dan menjejaskan perniagaan mereka.

Titah Sultan Selangor

Sehari selepas perhimpunan awam penternak babi, keadaan berubah secara ketara.

Pada 10 Januari, Sultan Sharafuddin mengeluarkan titah melalui pejabat baginda, dengan tegas menentang pembaharuan lesen ladang babi di Tanjung Sepat. Baginda turut mencabar para Adun supaya tinggal berhampiran ladang babi bagi merasai sendiri

masalah di sana.

Baginda tidak bersetuju dengan langkah menjadikan Kuala Langat sebagai tapak sementara sebelum industri penternakan babi berpindah ke Bukit Tagar, kerana bimbang pencemaran yang telah berlarutan selama 16 tahun akan menjadi semakin buruk.

eksport, sambil menyatakan ia tidak sesuai untuk sebuah negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam serta menjejaskan keharmonian sosial.

Baginda turut bertitah bahawa penduduk Kuala Langat telah lama menanggung masalah bau busuk, pencemaran sungai



Baginda turut mempersoalkan jika ada unsur rasuah atau konflik kepentingan dalam perancangan Bukit Tagar, dengan membayangkan kemungkinan ahli politik atau ahli perniagaan mendapat manfaat daripadanya.

Sultan Sharafuddin juga mengkritik projek penternakan babi berskala besar dan berorientasikan

dan lalat, yang menjejaskan kualiti hidup mereka — masalah yang wujud sejak 2010 dan belum diselesaikan sepenuhnya.

Sultan Sharafuddin turut menyatakan bahawa istana baginda sendiri terletak berhampiran dan turut terjejas oleh bau dari ladang-ladang babi tersebut.

Pada hari yang sama sama, Menteri Besar Selangor,

Amirudin Shari, menjelaskan Izham akan menghadap Sultan Sharafuddin bagi mempersembahkan perincian keputusan mesyuarat Exco, termasuk langkah-langkah memperkuat penguatkuasaan keselamatan alam sekitar dan kebersihan.

Selepas Izham Menghadap

Selepas diberi taklimat oleh kerajaan Selangor pada Isnin (12 Januari), Sultan Selangor menitahkan bahawa ladang-ladang babi di Tanjung Sepat mesti menghentikan operasi secara berperingkat dan berpindah ke Bukit Tagar.

Selain itu, skala penternakan babi hendaklah dihadkan kepada keperluan domestik sahaja dan bukan untuk eksport.

Baginda juga memerintahkan kerajaan negeri supaya tidak menyediakan sebarang peruntukan kewangan atau pelaburan bagi aktiviti penternakan babi.

Susulan pertemuan itu, Izham mengadakan sidang media dan menjelaskan bahawa selepas penjelasan diberikan, rancangan kerajaan negeri dan cadangan Sultan pada dasarnya adalah selari.

Beliau menyifatkan rasa tidak puas hati baginda sebelum ini ekoran kegagalannya sendiri untuk menerangkan perkara tersebut dengan jelas.

Katanya, tempoh penampian yang disebut sebelum ini kini dimansuhkan, dan ladang-ladang babi sedia ada di Kuala Langat dan Sepang mesti berpindah serta-merta secara berperingkat mulai tahun ini. Selepas itu, mereka dibenarkan memohon pembaharuan lesen tahunan.

Dia berkata kerajaan negeri akan bertanggungjawab menyelaraskan dan mempermudah proses bagi menyelesaikan isu tanah secepat mungkin supaya ladang-ladang babi dapat berpindah ke Bukit Tagar lebih awal.

Dia juga menjelaskan semasa wabak demam babi tahun lalu, pengeluaran ladang babi di Selangor hanya memenuhi 60 peratus keperluan negeri, dan kini menurun kepada 30 peratus, sekali gus menafikan dakwaan pembangkang bahawa ia “untuk eksport”.

Katanya lagi, isu ladang babi di Tanjung Sepat bukanlah isu baru, sebaliknya telah wujud sejak era BN, dan menegaskan ia tidak seharusnya digunakan untuk menyerang PH dengan

mendakwa ia adalah isu yang
dicetuskan oleh pentadbiran
semasa.-[MALAYSIAKINI](#)

Kelantan Cadang Guna Teknologi RFID Tingkatkan Biosekuriti Penternakan Secara Bersepadu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dagang News	Terkini	Dalam Talian	14 Jan



KUALA LUMPUR 14 Jan – Kelantan bersedia melangkah ke era baharu pengurusan ternakan dengan cadangan melaksanakan sistem ternakan bersepadu menggunakan teknologi identifikasi frekuensi radio (RFID).

Langkah inovatif ini akan mengubah cara penternak memantau, mengurus, dan mengawal ternakan di negeri Kelantan secara lebih telus dan efisien.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agro

Makanan dan Komoditi negeri Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata sistem bersepadu ini bakal melibatkan kerjasama rapat antara beberapa agensi utama negeri dan Persekutuan.

“Antaranya termasuk Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPV NK).

“Sistem RFID ini bukan sekadar alat teknologi, tetapi satu strategi menyeluruh untuk memperkukuh biosekuriti, mempercepat pengesanan penyakit, serta meningkatkan kecekapan penguatkuasaan di pintu masuk sempadan negeri,” katanya dalam satu kenyataan.

Melalui sistem tersebut, setiap pergerakan ternakan akan dipantau secara telus, membolehkan pihak berkuasa bertindak cepat sekiranya berlaku ancaman penyakit dan penternak mendapat rekod yang lengkap dan tepat.

Cadangan itu diumumkan selepas beliau mempengerusikan mesyuarat berkaitan pelaksanaan sistem RFID bersama UPEN, KPKB, MAQIS dan JPVNK bagi menyelaraskan pelaksanaan bersepadu untuk memastikan setiap agensi memahami peranan masing-masing.

Beliau berkata perbincangan memfokuskan kepada aspek teknikal seperti penandaan ternakan melalui ear tag dan bolus RFID, penggunaan peranti pembaca data, serta integrasi maklumat ke pangkalan data berpusat.

Standard pengesanan (traceability) turut menjadi

perhatian utama, memastikan setiap ternakan boleh dijejaki dengan tepat sepanjang rantai pengeluaran dari ladang hingga pasaran.

Sistem ini akan memudahkan pemantauan kesihatan ternakan, pergerakan haiwan, dan rekod lengkap bagi setiap penternak, meningkatkan keberkesanan pengurusan veterinar negeri.

Dalam perkembangan berkaitan, Exco Pertanian turut mengadakan mesyuarat bersama JPVNK untuk menyelaraskan hala tuju perancangan sektor ternakan sepanjang tahun 2026, termasuk pengurusan kesihatan, kawalan penyakit dan pemerkasaan rantai industri ternakan.

Mesyuarat itu turut menekankan penyelarasan antara agensi, pemantapan pelaksanaan di lapangan, serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran semasa yang memberi kesan kepada keselamatan makanan dan industri agroternakan negeri.

Beliau berkata pendekatan lebih tersusun ini diharap dapat memastikan setiap inisiatif berjalan lancar, memberi impak langsung kepada penternak, dan memperkukuh sektor veterinar sepanjang 2026.-

[DAGANGNEWS](#)

Jumlah Ternakan Babi Seluruh Negara Terus Menurun

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Media Selangor	BM	Dalam Talian	15 Jan



SHAH ALAM, 15 JAN: Industri penternakan babi di Malaysia menunjukkan trend penurunan berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, didorong penularan Demam Khinzir Afrika (ASF), kos makanan ternakan yang meningkat serta langkah kawalan biosekuriti lebih ketat oleh pihak berkuasa.

Di Selangor, jumlah ternakan babi menurun daripada 265,739 ekor pada 2022 kepada 260,930 ekor pada 2024, mencerminkan penyusutan walaupun negeri

itu kekal antara penyumbang utama industri di Semenanjung Malaysia.

Trend penurunan turut jelas di peringkat nasional, apabila jumlah ternakan babi negara susut daripada sekitar 1.67 juta ekor pada 2021 kepada 1.24 juta ekor pada 2024, iaitu pengurangan lebih 25 peratus dalam tempoh tiga tahun.

Beberapa negeri mencatat penyusutan lebih ketara, termasuk:

Johor: 283,800 ekor (2020) →

112,970 ekor (2024)

Pulau Pinang: 341,895 ekor (2020) → 162,757 ekor (2024)

Sarawak: 327,000 ekor (2020) → 141,566 ekor (2024)

Manakala Melaka tidak lagi merekodkan penternakan babi aktif sejak 2022 selepas industri itu terjejas sepenuhnya akibat ASF

Berdasarkan Buku Perangkaan Ternakan 2024 terbitan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Selangor merekodkan 260,930 ekor ternakan babi pada 2024, lima negeri dengan jumlah ternakan babi tertinggi pada 2024 ialah:

Perak – 421,386 ekor

Selangor – 260,930 ekor

Pulau Pinang – 162,757 ekor

Sarawak – 141,566 ekor

Johor – 112,970 ekor

Seiring penyusutan ternakan, jumlah sembelihan babi juga mencatat penurunan berterusan. Pada 2023, sebanyak 1.33 juta ekor babi disembelih di seluruh negara, namun angka itu menurun kepada 1.13 juta ekor pada 2024, iaitu susut sekitar 15.3 peratus dalam tempoh setahun.

Walaupun mencatat penurunan, Selangor kekal negeri tertinggi bagi sembelihan babi dengan 273,059 ekor pada 2024, diikuti Sarawak (226,800 ekor) dan Johor (206,397 ekor), menandakan peranan negeri itu sebagai hab pemprosesan utama daging khinzir negara.

Dalam jawapan di Dewan Rakyat pada 7 Ogos 2025, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Haji Mohamad Sabu memaklumkan pelupusan ternakan terpaksa dilakukan di beberapa kawasan termasuk Sepang dan Kuala Langat sebagai langkah membendung ASF, yang memberi kesan langsung kepada pengeluaran jangka pendek.-

[MEDIASELANGOR](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR